

**PANDUAN BERURUSAN DI KAUNTER PENDAFTARAN DAN KAUNTER
KEBENARAN (*CONSENT*)
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

1. LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19 HENDALAH SENTIASA DIAMALKAN SEPERTI BERIKUT:
 - i. SEMUA PELANGGAN HENDAKLAH MEMAKAI *FACE-MASK* PADA SETIAP MASA SEMASA BERADA DI PPTGWPKL.
 - ii. PAKAI *HAND SANITIZER* ATAU CUCI TANGAN DENGAN KERAP.
 - iii. PASTIKAN PENJARAKAN SOSIAL DIAMALKAN (SEKURANG-KURANGNYA 1 METER).
2. SEMUA PELANGGAN HENDAKLAH MENJALANI PENGESANAN SUHU DI LOBI RUMAH PERSEKUTUAN SEBELUM BERURUSAN DI KAUNTER.

URUSAN DI KAUNTER

3. WAKTU URUSAN KAUNTER

HARI	WAKTU URUSAN
ISNIN HINGGA JUMAAT	9.00 PAGI – 2.00 PETANG

4. PEMOHON DIGALAKKAN MENGGUNAKAN KAEDAH PEMBAYARAN MENGGUNAKAN **KAD DEBIT, KAD KREDIT DAN BANK DRAF**.
5. KAUNTER PERSERAHAN
SETIAP WAKIL HANYA DIBENARKAN MENGAMBIL SATU (1) NOMBOR SAHAJA UNTUK HARI TERSEBUT DAN JUMLAH DOKUMEN DIHADKAN KEPADA **DUA (2) SET PERSERAHAN**.
6. KAUNTER KEBENARAN (*CONSENT*)
SETIAP WAKIL HANYA DIBENARKAN MENGAMBIL SATU (1) NOMBOR SAHAJA UNTUK HARI TERSEBUT DAN JUMLAH DOKUMEN DIHADKAN KEPADA **LIMA (5) PERMOHONAN**.
7. NOMBOR GILIRAN BAGI INDIVIDU TIDAK DIHADKAN. MASA MENUNGGU DAN KEBENARAN UNTUK BERURUSAN ADALAH TERTAKLUK KEPADA JUMLAH PELANGGAN YANG SEDANG BERURUSAN DI RUANG KAUNTER.
8. PELANGGAN/PEMOHON DIGALAKKAN MENGGUNAKAN **TRANSAKSI ONLINE** BAGI PERMOHONAN CARIAN PERSENDIRIAN DAN BAYARAN CUKAI TANAH.
9. TEMPOH PROSES DIJANGKAKAN LEBIH PANJANG DARIPADA BIASA. SEMAKAN STATUS URUSAN BOLEH DIBUAT DI PORTAL www.ptgwp.gov.my.

PENGECUALIAN DENDA LEWAT PERSERAHAN

10. PENGECUALIAN DENDA BAGI **SURATCARA BERTARIKH 19 DISEMBER 2019 DAN KE ATAS** AKAN DIBERI SECARA TERUS DI KAUNTER. PEMOHON **TIDAK PERLU** BERTEMU PEGAWAI UNTUK MENDAPATKAN PENGECUALIAN.
11. PEMOHON DIBERI LANJUTAN MASA SEHINGGA TIGA (3) BULAN DARI TARIKH AKHIR PKP UNTUK MEMBUAT PERSERAHAN TANPA DIKENAKAN DENDA.
12. BAGI SURATCARA BERTARIKH SEBELUM 19 DISEMBER 2019, PEMOHON HENDAKLAH BERTEMU DENGAN PEGAWAI UNTUK MENDAPATKAN PENGECUALIAN DENDA YANG DIKENAKAN SEMASA PKP.
13. SEBARANG RAYUAN UNTUK PENGECUALIAN DENDA YANG DIKENAKAN SEBELUM PELAKSANAAN PKP PERLU DIBUAT SECARA BERASINGAN MELALUI SURAT.

PENGECUALIAN DENDA LEWAT KUTIPAN DOKUMEN HAKMILIK

14. DENDA LEWAT KUTIPAN HAKMILIK MERUJUK KEPADA KELEWATAN MENGUTIP HAKMILIK BAHARU ATAU HAKMILIK SAMBUNGAN DI BAWAH SEKSYEN 90(3) KANUN TANAH NEGARA 1965.
15. HAKMILIK YANG DIKELUARKAN MELALUI PENDAFTARAN PERSERAHAN URUSNIAGA DAN BUKAN URUSNIAGA TIDAK DIKENAKAN DENDA. BAGAIMANAPUN, KUTIPAN SEGERA AMAT DIGALAKKAN.
16. PENGECUALIAN DENDA BAGI **NOTIS 5F BERTARIKH 19 DISEMBER 2019 DAN KE ATAS** AKAN DIBERI SECARA TERUS DI KAUNTER. PEMOHON **TIDAK PERLU** BERTEMU PEGAWAI UNTUK MENDAPATKAN PENGECUALIAN.
17. PEMOHON DIBERI LANJUTAN MASA SEHINGGA TIGA (3) BULAN DARI TARIKH AKHIR PKP UNTUK MEMBUAT KUTIPAN TANPA DIKENAKAN DENDA.

TEMPOH SAHLAKU SURAT KELULUSAN KEBENARAN (CONSENT)

18. SURAT KEBENARAN (CONSENT) YANG DILULUSKAN SEBELUM PKP DAN TELAH TAMAT SEMASA TEMPOH PKP, AKAN DIBERIKAN PELANJUTAN SECARA AUTOMATIK SELAMA ENAM BULAN BERMULA DARI TARIKH PKP TAMAT.
19. SURAT KEBENARAN (CONSENT) YANG TELAH DILULUSKAN SEMASA TEMPOH PKP, AKAN MULA BERKUATKUASA SELEPAS TEMPOH PKP TAMAT.